

Pelajar tak endah sastera, budaya

PM gusar, mahu perbanyak wacana galak anak muda dalam karya tokoh tempatan

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bimbang dengan sikap pelajar dan penuntut universiti yang tidak berminat dan tiada kecenderungan mendalami sastera, bahasa dan budaya terutama karya tokoh tempatan.

Katanya, hasil maklum balas di lapangan ketika berbicara dengan anak muda, terutama penuntut universiti, mereka tidak langsung menyatakan minat dalam bidang berkenaan.

“Saya rasa bimbang kerana minat dan kecenderungan ini tidak ada dalam kalangan orang muda, apatah lagi kepada karya penting daripada tokoh tempatan seperti (Datuk Dr) Anwar Ridhwan, (Datuk) Rahman Shaari mahupun (Datuk Seri) A Samad Said.



Tetamu pada Majlis Perasmian Seminar Fikrah Siddiq Fadzil 'Citra Budaya dan Peradaban Bangsa Malaysia' di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aizuddin saad/BH)

“Sedangkan tokoh ini berbicara soal hijau (alam sekitar), soal kemiskinan rasa lara soal perjuangan dan gerakan kebangsaan, penindasan serta hilangnya demokrasi yang mana semuanya dicitra dan digubah diungkapkan dengan bahasa yang terindah mungkin,” katanya pada Majlis Seminar Fikrah Siddiq Fadzil-Citra Budaya dan Peradaban Bangsa Malaysia di Dewan Bahasa dan Pustaka

(DBP), semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek; Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Prof Datuk Dr Awang Sariyan dan Ketua Pengarah DBP, Dr Hazami Jahari.

Anwar berkata, beliau bimbang generasi baharu tidak merasai kelazatan (keindahan) bahasa, budaya dan ilmu karya tempatan.

Katanya, adalah satu kerugian dalam hal ini, maka perlu diperbanyakkan lagi sesi wacana membicarakan mengenai karya tokoh ilmuwan, sasterawan dan budayawan tempatan.

“Maka, bagaimana caranya, itu saya sudah arahkan Fadhlina dan Awang Sariyan fikirkan termasuk mengangkat karya tempatan dalam wacana di sekolah dan institusi pengajian tinggi,” katanya.

Dalam masa yang sama, Perdana Menteri berkata, keutamaan kerajaan sekarang adalah mengenai digitalisasi dan bidang berkaitan teknologi, sains dan matematik.

Katanya, ini kerana masih ramai yang lemah dalam bidang berkenaan, terutama dalam kalangan orang Melayu.

Namun, katanya kerajaan masih mahu ‘karamah insaniah’ ditekankan dalam pendidikan bagi mewujudkan nilai manusiawi yang tidak mampu diangkat dalam kerangka teknologi dan digitalisasi.

“Maka, amat penting bahasa dan budaya serta seni ini diangkat bagi memartabatkan bangsa walaupun ada pandangan serong menyatakan bahawa seni dan budaya tidak relevan.

“Itu pandangan yang jumud kerana usaha mengangkat martabat bangsa berkenaan bukan hanya terikat kepada isu ekonomi rakyat yang masih diakui sebagai perkara asas dan fundamental.

“Apabila kita bicara soal karamah insaniah tentu keyakinan terletak kepada nilai, adab, akhlak yang diterjemahkan melalui budaya dan seni,” katanya.